

# AUTA

## RM5.29J

*Pengarah syarikat berusia 64 tahun jadi mangsa Love Scam pindah duit 120 kali*

### **Kuala Lumpur**

**S**eorang wanita yang merupakan pengarah syarikat di Ipoh, Perak kerugian RM5.29 juta setelah ditipu seorang lelaki warganegara Amerika Syarikat yang dikenalnya di laman sosial *Online Dating*.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Azmi Abu Kassim berkata, mangsa penipuan *Love Scam* berusia 64 tahun itu membuat laporan polis kelmarin.

“Suspek memperkenalkan diri sebagai pekerja paramedik di Hospital California memperdayakan mangsa dengan menyatakan beliau (lelaki itu) menerima kontrak besar pembekalan peralatan perubatan bernilai AS\$22 juta dan perlukan dana modal permulaan serta berjanji ingin mengahwini mangsa,” katanya dalam satu kenyataan.

Terpedaya dengan janji terbabit, Azmi berkata mangsa melakukan 120 tran-

saksi pindahan wang ke dalam 14 akaun bank yang diberikan suspek secara berperingkat antara Januari hingga Jun 2022 berjumlah keseluruhan RM5.29 juta.

“Mangsa menggunakan semua wang simpanan dan membuat pinjaman dengan Pemberi Pinjam Wang Berlesen. Semakan awal mendapati akaun bank yang terbabit (akaun lelaki itu) juga mempunyai rekod beberapa kes penipuan menggunakan modus operandi yang sama,” katanya.

Azmi berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.

“**Suspek dakwa dapat projek besar bekal peralatan perubatan bernilai AS\$22j**  
Azmi Abu Kassim

